

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 14.03.2016

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sektor-sektor utama dalam negara yang terjejas akibat kejatuhan nilai ringgit serta langkah menanganinya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,,

Dalam tempoh akhir bulan Disember 2014 sehingga akhir bulan Disember 2015, nilai mata wang ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) telah menyusut nilai sebanyak 18.6%, mencecah tahap terendah bagi

tahun 2015 iaitu RM4.47 pada 29 September 2015. Manakala pada 2 Mac 2016 pula, nilai mata wang ringgit berbanding dolar AS meningkat kepada kadar RM4.16. Antara 1 Januari hingga 2 Mac 2016, nilai mata wang ringgit berbanding dolar AS telah mencatatkan peningkatan sebanyak 3.1%.

2. Pada ketika ini, ekoran daripada penyusutan nilai mata wang ringgit, ekonomi Malaysia masih terkawal dan terus mantap, walaupun mencatat pertumbuhan yang lebih rendah dan inflasi yang terkawal. Kesan peningkatan dalam harga import bagi isi rumah dijangka sederhana dan diimbangi oleh penurunan harga komoditi global dan harga bahan api domestik, serta penambahan pendapatan berikutan pengagihan bantuan wang tunai kepada golongan isi rumah bersasaran.

3. Selain itu, bagi golongan peniaga pula, kesan penurunan nilai ringgit adalah berbeza. Golongan yang meraih faedah tertinggi adalah pengeksport tempatan yang menggunakan kandungan input tempatan yang tinggi. Contohnya, industri berasaskan sumber tempatan yang menghasilkan sarung tangan getah, kayu dan perabot, serta tekstil. Industri lain yang mendapat manfaat secara relatif adalah industri elektrik

dan elektronik (E&E) yang mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi kesan dari tukaran mata wang asing. Syarikat-syarikat dalam industri tersebut mendapat manfaat dari segi pendapatan eksport yang lebih tinggi dan peningkatan dalam daya saing harga.

4. Walau bagaimanapun, industri yang berorientasikan pasaran tempatan dengan menggunakan input import yang tinggi, samada secara langsung atau tidak langsung, seperti perdagangan borong dan runcit serta vendor automotif mengalami tekanan kos yang tinggi dan margin keuntungan yang berkurangan. Bagi perusahaan kecil dan sederhana pula, terutamanya perniagaan yang terdedah kepada pasaran tempatan, penurunan nilai mata wang ringgit telah memberi cabaran yang lebih besar dalam menguruskan kos pengeluaran yang menggunakan input mentah yang diimport.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,,

5. Dari segi luaran, akaun semasa dijangka berada dalam lebihan kerana kesan terhadap eksport dan import adalah terhad. Kesan kejatuhan nilai

ringgit terhadap hutang luar negeri masih terkawal kerana peminjaman luar pesisir kekal rendah pada 36% daripada KDNK. Tambahan pula, kesan penilaian juga terkawal disebabkan oleh peminjaman korporat dan sektor perbankan yang sebahagian besarnya dilindungi aset luar yang setara.

6. Walau bagaimanapun, Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia akan sentiasa memantau dengan teliti perkembangan semasa global dan mengambil langkah yang sesuai bagi memastikan ekonomi domestik kekal berdaya tahan.